

Banyak kelebihan kuasai bahasa asing

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bh.com.my

▸ Serdang

Penguasaan bahasa asing memberi nilai kebolehpasaran yang tinggi kepada graduan termasuk peluang membina kerjaya di luar negara serta memperoleh kadar gaji lebih tinggi.

Ketua Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Roslina Mamat, berkata ada graduan universiti itu kini memegang jawatan kanan dalam sebuah syarikat di Sepanyol serta berkhidmat dengan syari-

kat teknologi maklumat dan komputer ternama di China.

Selain itu, katanya, sesetengah syarikat Jepun menawarkan gaji antara RM300 hingga RM400 lebih tinggi kepada pekerja yang menguasai bahasa Jepun.

“Penguasaan bahasa asing mampu meningkatkan keyakinan majikan mengenai kemampuan graduan untuk berkhidmat di syarikat multinasional. Malah, memang ada mahasiswa yang memanfaatkan sepenuhnya kelas elektif bahasa asing kerana menyasarkan pekerjaan dalam syarikat yang berpangkalan di luar negara.

“Kami menggalakkan mahasiswa mengambil peperiksaan antarabangsa bagi pengajian bahasa yang diikuti seperti Jepun, Cina dan Korea kerana mampu membantu memperluas peluang kerjaya mereka,” katanya.

Roslina berkata, empat bahasa asing kini popular di UPM, iaitu bahasa Mandarin, Arab, Jepun dan Korea

daripada keseluruhan 12 kursus elektif bahasa asing ditawarkan.

Pengaruh budaya

Katanya, selain bagi tujuan pembangunan kerjaya, kecenderungan mahasiswa mengikuti kursus elektif bahasa asing adalah kerana didorong budaya popular seperti budaya popular Korea (K-Pop).

“Kebanyakan mahasiswa yang mengikuti bahasa seperti Mandarin, Arab dan Jerman, lazimnya mempunyai sasaran khusus seperti untuk mendalami agama, meningkatkan pemahaman mengenai teknologi dari negara itu serta memudahkan urusan perdagangan.

“Bahasa Jepun dan Korea pula mempunyai pengaruh budaya popular, iaitu minat kepada karya seni seperti komik, anime dan drama yang mendorong mahasiswa untuk mengikutinya selain mendalami keunikan budaya dan teknologi dimajukan di negara terabit,” katanya.



Prof Madya Dr Roslina Mamat